

5) DANA STRATA SELANGOR

Adun : Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT (RAWANG)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah pendekatan yang digunakan oleh Dana Strata Selangor dalam menyelesaikan isu hak milik strata di negeri ini?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Insentif Dana Strata Selangor (DSS) telah dilancarkan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor menerusi program Rewang Komuniti Strata yang telah diadakan pada 31 Mei 2025 bertempat di *Foodcourt* Taman Putra Perdana, Dengkil, Sepang dengan peruntukkan sejumlah RM10 juta bagi dana awalan penyelesaian isu hakmilik strata di Negeri Selangor. Permohonan bagi insentif DSS ini boleh dibuat dengan melengkapkan borang yang telah disediakan di dalam portal LPHS.

Seterusnya, borang permohonan lengkap yang telah dihantar akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dana Strata Selangor untuk mengenalpasti isu teknikal, anggaran kos dan isu yang berbangkit sebelum di angkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Taskforce Dana Strata Selangor bagi mendapatkan perakuan dan meluluskan kos yang terlibat serta mengesyorkan kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan status penyelesaian hakmilik strata.

Selain itu juga, kriteria utama bagi pemilihan projek di bawah Insentif Dana Strata Selangor (DSS) adalah seperti berikut:

- i. Keutamaan bagi projek perumahan Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah. Walau bagaimanapun, bagi perumahan selain Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah boleh dipertimbangkan oleh Jawatankuasa berdasarkan keadaan-keadaan tertentu.
- ii. Skim yang telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak di Peringkat Penduduk (*Interim / Proterm*).
- iii. Skim yang tidak terlibat dengan peruntukan Tabung Khas Hakmilik Strata Peringkat Persekutuan (TKHS).

b) Kawasan manakah yang terlibat dalam pelaksanaan program ini?

Untuk makluman Yang Berhormat, Insentif Dana Strata Selangor (DSS) dibuka kepada perumahan jenis Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, bagi perumahan selain daripada Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk. Berikut adalah senarai projek yang telah dikenalpasti bagi penyelesaian isu hakmilik strata pada tahun ini:

BIL.	PROJEK	BIL UNIT	DAERAH
1.	Flat Bunga Raya, Pandamaran	80	Klang
2.	Pangsapuri Seroja, Taman Putra Perdana	560	Sepang
3.	Pangsapuri Permai, Taman Gombak Permai	180	Gombak
4.	Pangsapuri Seri Damai, Taman Gombak Permai	340	Gombak
5.	Apartment Dahlia, Bukit Beruntung	1,488	Hulu Selangor
6.	Rumah Bandar Taman Saga, Ampang Heights	Dalam proses semakan	Hulu Langat